

PELAKSANAAN CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (GST)

Oleh: ABDUL AZIZ AWANG

Ada orang berkata bahawa selagi kita hidup di atas muka bumi ini hanya terdapat dua perkara yang mustahil untuk dielakkan; pertama, kematian dan kedua, bayar cukai. Ini menunjukkan betapa sinonimnya isu percukaian dengan kehidupan manusia. Kita hanya menyedari cukai pendapatan yang dibayar terus kepada Kerajaan tanpa kita sedari bahawa kita juga membayar cukai yang dimasukkan terus dalam harga barangan dan perkhidmatan seperti pembelian kereta, pakaian, makanan dan lain-lain barangan dan perkhidmatan yang melibatkan pengguna.

Bagi memacu pertumbuhan ekonomi sesebuah negara, empat faktor utama yang menjadi penentu ialah penggunaan, pelaburan, perbelanjaan kerajaan dan eksport bersih. Perbelanjaan Kerajaan banyak bergantung kepada jumlah hasil cukai yang berjaya dikutip. Hasil cukai merupakan penyumbang utama kepada jumlah hasil Kerajaan. Jika hasil cukai meningkat, Kerajaan boleh melaksanakan pelbagai projek untuk menggerakkan pertumbuhan ekonomi. Di Malaysia nisbah hasil cukai kepada KDNK adalah 19.5% pada tahun 2010. Jika dibandingkan dengan 34 buah negara maju, nisbah yang dicatat oleh Malaysia adalah terlalu rendah. Misalnya Denmark mencatat nisbah tertinggi 50%. Nisbah yang paling rendah bagi negara maju ialah 26.8%. Oleh yang demikian, nisbah hasil cukai/KDNK yang rendah bagi Malaysia menunjukkan bahawa Malaysia mengalami kekurangan hasil cukai bagi membiayai perbelanjaan pembangunan. Apabila jumlah hasil Kerajaan tidak mencukupi, kedudukan kewangan kerajaan akan mengalami defisit. Bagi menampung defisit

tersebut, Kerajaan perlu membuat pinjaman untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Sistem percukaian Malaysia juga mempunyai asas yang sempit kerana pergantungan yang keterlaluan kepada cukai pendapatan. Sekiranya keuntungan syarikat berkurangan, jumlah kutipan cukai pendapatan juga berkurangan dan keadaan ini memberikan tekanan kepada hasil Kerajaan.

Selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, Kerajaan perlu melaksanakan reformasi cukai yang bermaksud menjadikan sistem cukai sedia ada lebih mudah, telus dan lebih cekap. Reformasi cukai juga perlu untuk meningkatkan hasil dan menggerakkan pertumbuhan ekonomi. Oleh yang demikian, Malaysia perlu melaksanakan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) seperti yang telah dilaksanakan oleh kebanyakan negara di dunia. Pelaksanaan GST akan membolehkan Kerajaan menurunkan kadar cukai pendapatan (individu dan korporat) dan menjadikan Malaysia lebih berdaya saing bagi menarik pelaburan asing. Kadar cukai korporat di Malaysia kini adalah 25%, iaitu lebih tinggi berbanding dengan Singapura, 17% dan Hong Kong, 16.5%.

Pada masa ini sebanyak 146 buah negara telah pun melaksanakan GST. Negara yang paling awal melaksanakan GST ialah France pada tahun 1954. Di ASEAN, negara paling awal ialah Indonesia yang telah melaksanakan GST pada 1984. Kini semua negara ASEAN telah pun melaksanakan GST kecuali Malaysia, Brunei dan Myanmar. Sebenarnya pengumuman untuk pelaksanaan GST di Malaysia telah dibuat semasa pembentangan Bajet 2005 yang menyebut GST akan mula dilaksanakan di Malaysia

pada 1 Januari 2007 bagi menggantikan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST). Walau bagaimanapun, Kerajaan menangguhkan pelaksanaan GST bagi membolehkan peniaga membuat perubahan kepada sistem pengkomputeran dan memberikan latihan kepada kakitangan. Pada 16 Disember, 2009, Rang Undang-Undang GST telah dibentangkan di Parlimen untuk Bacaan Pertama. Rang Undang-Undang ini sepatutnya dibentangkan untuk Bacaan Kedua tetapi ditangguhkan bagi membolehkan pandangan rakyat diambil kira.

Kaedah GST mempunyai banyak kelebihan berbanding dengan SST. Pelaksanaan GST akan meningkatkan jumlah kutipan hasil Kerajaan dan seterusnya membolehkan lebih banyak projek pembangunan dilaksanakan. Pada masa ini, pergantungan kepada sumber hasil berasaskan petroleum seperti cukai pendapatan petroleum, duti eksport, dividen dan lain-lain adalah tinggi iaitu kira-kira 40% daripada jumlah hasil Kerajaan. Ini merupakan keadaan yang kurang sihat kerana Malaysia tidak boleh bergantung selamanya kepada sumber pendapatan berasaskan petroleum memandangkan bahan tersebut lama kelamaan akan susut. Oleh itu pelaksanaan GST mampu mengatasi masalah ini. SST juga mempunyai banyak kelemahan seperti pengenaan cukai berganda dan cukai bertingkat. Misalnya, jika sesebuah syarikat korporat mengambil perkhidmatan kejuruteraan bebas untuk melaksanakan kerja-kerja untuk mereka, maka kos yang dikenakan akan dilepaskan kepada pengguna. Oleh itu, cukai perkhidmatan syarikat tersebut merupakan nilai yang telah dinaikkan kerana telah pun termasuk elemen cukai yang dikenakan kerana mengambil perkhidmatan kejuruteraan bebas. Ini

menunjukkan berlakunya cukai berganda yang terpaksa ditanggung oleh pengguna akhir.

Dalam kaedah GST, masalah ini tidak akan berlaku kerana GST merupakan cukai kepenggunaan yang dikenakan pada setiap peringkat pengagihan dan pengedaran. Peniaga pula dibenarkan menuntut kembali GST yang dibayar ke atas input perniagaan. Oleh sebab itulah GST dijangka menarik minat sektor perniagaan untuk berdaftar sebagai syarikat GST walaupun jumlah jualan tahunan syarikat tersebut lebih rendah daripada *trashold* yang ditetapkan. Kadar cukai GST terdiri daripada tiga kategori iaitu berkadar seragam, berkadar sifar dan barangan yang dikecualikan daripada GST. Bagi barangan dan perkhidmatan yang berkadar sifar, peniaga dibenarkan menuntut kembali GST yang dikenakan ke atas input perniagaan, manakala bagi barangan dan perkhidmatan yang dikecualikan daripada GST, peniaga tidak dibenarkan menuntut kembali GST yang dibayar ke atas input perniagaan.

Bagi GST yang berkadar seragam, kaedah pelaksanaannya adalah seperti diagram di bawah:

Bagaimana GST dilaksanakan (kadar standard)




Sebagai contoh, pengilang menjual produk kepada pemborong dengan harga RM100. Jika GST sebanyak 4% dikenakan bermakna kos belian adalah RM104 dengan mengambil kira GST yang dikenakan adalah sebanyak RM4.00. Pemborong pula akan menjual kepada peruncit dengan harga RM125.00 sekiranya meletakkan margin keuntungan sebanyak RM25.00. Jika GST 4% dikenakan, maka kadar GST adalah sebanyak RM5.00, oleh itu harga jualan oleh pemborong ialah RM130.00. Oleh kerana GST yang dikenakan kepada pemborong sebanyak RM4.00 boleh dituntut kembali manakala GST yang dikenakan di peringkat ini adalah sebanyak RM5.00, maka nilai bersih GST yang diperolehi hanyalah RM1.00. Daripada contoh ini didapati, nilai ditambah yang terbit daripada aktiviti antara pengilang dengan pemborong adalah RM25.00. Berdasarkan kadar GST yang dikenakan sebanyak 4%, maka GST ke atas nilai ditambah ini adalah RM1.00. Oleh sebab itulah kaedah percukaian ini juga dikenali sebagai cukai nilai ditambah (value added tax) iaitu jumlah GST yang dapat dikutip

akan bersamaan dengan peratusan cukai ke atas nilai ditambah. GST juga merupakan cukai yang berkesan kerana ia dikutip disetiap peringkat sebagai diagram di bawah:

GST merupakan cukai yang berkesan kerana ia dikutip di setiap peringkat

Anggap GST pada 4%



Sebagai contoh, diperingkat pengilang GST yang dikutip ialah RM4.00 sekiranya kadar GST yang dikenakan sebanyak 4%. Sekiranya pemborong mengenakan margin keuntungan sebanyak 20%, nilai barangan tersebut ialah RM120.00. Jika GST dikenakan sebanyak 4%, maka jumlah GST ialah RM4.80. Oleh sebab pemborong akan menuntut kembali GST sebanyak RM4.00, maka nilai bersih GST yang dapat dipungut ialah sebanyak RM0.80 (RM4.80 – RM4.00). Sekiranya peruncit pula mengenakan margin keuntungan sebanyak 30%, maka nilai barangan tersebut menjadi RM156.00. Jika GST dikenakan sebanyak 4%, maka jumlah GST yang dikenakan ialah sebanyak RM6.24. Oleh sebab GST yang dikenakan kepada peruncit sebanyak

RM4.80 akan dituntut maka nilai bersih GST yang dapat dikutip ialah sebanyak RM1.44 (RM6.24 – RM4.80). Oleh itu, pada setiap peringkat pengedaran akan terdapat cukai GST yang akan dikutip oleh Kerajaan menjadikan kaedah ini lebih berkesan.

Dalam kaedah SST, walaupun peniaga mengenakan cukai jualan namun berlaku masalah ketirisan kerana ia tidak dapat dikutip oleh Kerajaan seperti diagram di bawah:



Dalam contoh di atas, pengilang dikenakan cukai jualan sebanyak 10%. Jika kos produk adalah sebanyak RM100.00, maka jumlah cukai yang dikutip ialah sebanyak RM10.00. Di peringkat pemborong, sekiranya dimasukkan margin keuntungan sebanyak 20%, bermakna kos produk kini ialah RM132.00 (RM110.00 + RM22.00). Oleh itu dalam kes ini terdapat elemen cukai sebanyak RM10.00 yang diambil kira dalam margin keuntungan (20%) iaitu sebanyak RM2.00 namun tidak dapat dikutip oleh Kerajaan. Jika diambil kira peringkat pengedaran seterusnya maka akan bertambah

jumlah cukai yang tidak dikutip oleh Kerajaan. Ini merupakan antara kelemahan kaedah SST berbanding dengan kaedah GST yang lebih cekap, telus dan berkesan. Oleh itu pelaksanaan GST akan memberikan kesan positif kepada sektor industri dan ekonomi Negara secara keseluruhannya.

GST tidak akan memberikan bebanan kepada pengguna kerana ia menggantikan cukai jualan dan perkhidmatan sedia ada yang kini dikenakan sebanyak antara 5% hingga 10%. GST merupakan langkah ke hadapan bagi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju. Oleh sebab GST menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan sedia ada, maka pelaksanaan GST dijangka tidak akan menyebabkan berlakunya kenaikan harga barangan dan perkhidmatan, melainkan jika kadar cukai yang dikenakan adalah lebih tinggi daripada kadar cukai jualan dan perkhidmatan yang dikenakan pada masa ini. Walau bagaimanapun, Kerajaan dijangka mengenakan kadar GST yang lebih rendah daripada kadar cukai jualan dan perkhidmatan. Alasan yang menyatakan bahawa Kerajaan akan sentiasa menaikkan kadar GST juga kurang tepat berdasarkan pengalaman lepas menunjukkan kadar cukai jualan yang diperkenalkan pada 1972 hanya dinaikkan sekali sahaja pada 1983. Kadar cukai perkhidmatan pula tidak pernah dinaikkan sejak ia diperkenalkan pada tahun 1975. Oleh yang demikian, cadangan Kerajaan untuk melaksanakan GST wajar disokong kerana ia akan memberi kebaikan dan kesan positif kepada ekonomi negara terutamanya dalam jangka masa panjang.